



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

PENGAMBILAN KHAS PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP) DENGAN KEPUJIAN AMBILAN JUN 2019

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk **pengambilan khas Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)** bagi memenuhi beberapa keperluan bidang di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

1. KETERANGAN PROGRAM

1.1 Nama Program:

Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)

- 1.1.1 Program ini dikhususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah.
- 1.1.2 Pemohon dikehendaki mengikuti **Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP)** selama dua belas (12) bulan atau dua (2) semester di IPG berkenaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.1.3 Pemohon yang **LULUS PPISMP** akan diberikan Sijil Tamat PPISMP dan **DITAWARKAN** mengikuti pengajian **PISMP** selama empat (4) tahun atau lapan (8) semester di IPG yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.1.4 **PPISMP** dan **PISMP** dilaksanakan secara Mod Sepenuh Masa.

2. SYARAT DAN KELAYAKAN ASAS

- 2.1 Warganegara Malaysia.
- 2.2 Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2019 iaitu lahir pada atau selepas **30 Jun 1999**.
- 2.3 Sihat tubuh badan.
- 2.4 Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- 2.5 Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperoleh gred **cemerlang** dalam mana-mana **lima (5) mata pelajaran**.
- 2.6 Memperoleh sekurang-kurangnya gred **kepujian** dalam mata pelajaran yang berikut iaitu:
 - i. Bahasa Melayu;
 - ii. Sejarah ; dan
 - iii. Bahasa Inggeris.
- 2.7 Memenuhi **syarat bidang pengkhususan**. (Rujuk syarat bidang pengkhususan dalam permohonan *online*)

3. BIDANG PENGKHUSUSAN BAGI PENGAMBILAN KHAS : PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP) DENGAN KEPUJIAN AMBILAN JUN 2019

3.1 Sekolah Kebangsaan (SK)

3.1.1	Pendidikan Islam
3.1.2	Bahasa Kadazan Dusun

3.2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

3.1.1	Bahasa Melayu
3.1.2	Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL)
3.1.3	Sejarah
3.1.4	Pendidikan Seni Visual
3.1.5	Pendidikan Jasmani
3.1.6	Pendidikan Awal Kanak-Kanak
3.1.7	Pendidikan Muzik
3.1.8	Bimbingan dan Kaunseling
3.1.9	Reka Bentuk dan Teknologi
3.1.10	Matematik
3.1.11	Sains

3.3 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

3.1.1	Bahasa Melayu
3.1.2	Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL)
3.1.3	Sejarah
3.1.4	Pendidikan Seni Visual
3.1.5	Pendidikan Jasmani
3.1.6	Pendidikan Awal Kanak-Kanak
3.1.7	Pendidikan Muzik
3.1.8	Bimbingan dan Kaunseling
3.1.8	Reka Bentuk dan Teknologi
3.1.9	Matematik
3.1.10	Sains

Catatan : Pengambilan khas Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di atas adalah bagi memenuhi keperluan bidang di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

CARA PERMOHONAN PENGAMBILAN KHAS

1. Permohonan khas PISMP hanya boleh dibuat secara dalam talian (**online**) dengan melayari laman sesawang di alamat : <http://apps-ipgm.net/pismp-kct> mulai 25 April 2019.
2. **Permohonan akan ditapis berdasarkan syarat kelayakan dan kriteria yang telah ditetapkan oleh KPM.** Pemohon yang terpilih mesti menduduki dan **LULUS** Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG) sebelum layak dipanggil temu duga.
3. Pemohon dinasihatkan melayari laman sesawang : <http://apps-ipgm.net/pismp-kctbagi> mendapatkan **maklumat iklan, Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG), temu duga, syarat bidang pengkhususan dan gred minimum serta kalendar aktiviti** sebelum membuat permohonan.
4. Pemohon dibenarkan mengemukakan **SATU (1)** permohonan dan **boleh mengemaskini pada bila-bila masa sahaja sehingga tarikh permohonan ditutup.**
5. **Permohonan hendaklah disahkan dan dihantar sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang berjaya dihantar akan menerima nombor rujukan sebagai pengesahan.**
6. Maklumat yang tidak benar dan tidak lengkap boleh mengakibatkan permohonan ditolak.
7. Bagi calon yang **telah dipanggil temu duga PISMP pada 21-30 April 2019** tidak layak memohon.

PERINGATAN

Pemohon yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran dan dikenakan tindakan undang-undang. Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran dan selama tempoh pengajian.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN PENGAMBILAN KHAS 30 April 2019 (10.00 MALAM)

Sila hubungi alamat berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan:

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 1-3, BLOK 2250, USAHAWAN 1
63000 CYBERJAYA**

(u.p: Unit Pengambilan dan Penempatan Pelajar, Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Hubungan Luar)

No. Telefon : 03-8312 6720/6730/6768/6627/6758/6693/6733/6731/6769/6761/
6689/6760